

# Kenderaan konsep UiTM-Ford pikat PM

BH 4 DEC 2000

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad kagum dengan keupayaan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam industri automotif apabila mengadakan kerjasama membangunkan kenderaan pertama berkonsep Malaysia dengan Ford Malaysia Sdn Bhd (Ford).

Perdana Menteri meluang masa untuk melihat kenderaan berkonsep Ford-UiTM itu apabila mengunjungi Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2000 atau KLIMS 2000 di Kuala Lumpur, kelmarin.

Presiden Persatuan Otomotif Malaysia (MAA), Aishah Ahmad, berkata Dr Mahathir gembira dan kagum melihat pameran itu yang bertaraf antarabangsa selain amat tertarik melihat teknologi terkini yang digunakan dalam industri automotif.

"Sepanjang lawatan itu, Dr Mahathir banyak bertanya mengenai aspek teknologi dalam pembikinan kereta terutama

kereta canggih yang dipamerkan," katanya ketika ditemui selepas lawatan oleh Perdana Menteri itu.

Kenderaan konsep Ford-UiTM adalah antara 10 kenderaan yang

dipamerkan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu yang berakhir hari ini.

Kerjasama dengan UiTM itu adalah susulan pertandingan reka bentuk alaf baru Ford yang

mana pelajarnya memenangi tiga tempat teratas.

Kerjasama Ford dengan UiTM adalah untuk membangunkan kenderaan pertama berkonsep Malaysia, berasaskan pacuan empat roda Ford Ranger yang popular di pasaran tempatan.

Sementara itu, jurucakap Ford berkata usaha itu adalah satu langkah untuk membantu membangunkan reka bentuk automotif di negara ini.

"Seramai 15 pelajar tahun tiga yang mengikuti kursus Seni Reka Perindustrian di UiTM bekerjasama dengan jurutera Ford untuk menyiapkan kenderaan itu.

"Kami gembira kerana dapat bekerjasama dengan sekumpulan pelajar yang berbakat untuk membangunkan kenderaan konsep yang pertama itu. Projek ini pasti akan membantu pelajar melaksanakan teori yang mereka pelajari," katanya.

Katanya, ilham untuk membangunkan kenderaan konsep Ford

itu sudah lama terpendam tetapi mereka syarikat itu perlu bekerjasama dengan UiTM setelah melihat potensi pelajarnya dalam pertandingan berkenaan.

Katanya, untuk projek kenderaan itu, pelajar UiTM dihendaki meningkatkan bahagian luar dan dalaman Ford Ranger.

"Kami memberi mereka sebuah Ranger hitam dan mereka mengilhamkan beberapa idea baik untuk mencantikkan lagi wajah kenderaan itu," katanya.

Penyelaras projek UiTM, Mohd Hariri Abdullah, pula berkata pihaknya berbangga kerana diberi penghormatan untuk bekerjasama dengan Ford dalam usaha membangunkan kenderaan konsep itu.

"Ini adalah satu projek yang menguntungkan kedua-dua pihak kerana pelajar boleh menimba pengalaman dalam pengeluaran kenderaan, manakala Ford pula mendapatkan trak berkonsep Malaysia," katanya.